

Pengaruh Islam Dalam Wayang Kulit Purwo Batu Pahat, Johor.

Mohd Bakhtiar bin Mohd Nor Firdaus
Fakulti Muzik Dan Seni Persembahan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35000 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan, Malaysia.

Abstrak: Matlamat kajian ini ialah untuk meneroka dan mendedahkan pengaruh Islam dalam persembahan Wayang Kulit Purwo di Batu Pahat Johor di mana ia akan dilihat melalui aspek struktur dalam persembahan wayang kulit purwo. Kajian ini menggunakan teori ritual yang dikemukakan oleh Catherine Bell. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mendedahkan pengaruh Islam yang ditemui dalam persembahan wayang kulit purwo. Pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui pemerhatian, temubual, rakaman video, fotografi dan analisis. Signifikansi kajian ini ialah untuk memberikan pengetahuan bahawa persembahan dipengaruhi oleh kepercayaan beragama pelakunya.

Kata Kunci: *Wayang Kulit Purwo, Pengaruh Islam, Struktur Persembahan*

PENGENALAN

Wayang kulit adalah satu bentuk teater tradisional yang dipersembahkan dengan menggunakan prinsip cahaya dan bayang. Bayang-bayang daripada patung wayang kulit yang terdiri dari pelbagai jenis watak methologi dan khayalan, yang digerakkan atau dimainkan oleh seorang Dalang. Persembahan wayang kulit biasanya diiringi oleh satu kumpulan muzik yang memainkan muzik tradisional yang dipanggil gamelan. Wayang Kulit Jawa terdapat di negeri-negeri selatan Semenanjung Malaysia terutamanya di Johor [1]. Pada keseluruhannya, Wayang kulit Jawa atau wayang kulit purwo ini dimainkan di dalam Bahasa Jawa. Tetapi jika ramai penonton yang menonton ialah orang-orang yang berbangsa Melayu maka Bahasa Melayu akan digunakan [2].

Wayang kulit purwo berasal daripada Indonesia yang dibawa ke dalam daerah Batu Pahat, Johor oleh Allahyarham Haji Ridhuan Soro, juga dikenali sebagai Wak Sarip yang telah memperkenalkan kebudayaan Jawa di Kampung Parit Nipah Darat, Parit Raja, Batu Pahat, Johor dan sehingga kini masih dikekalkan menerusi Kumpulan Kesenian Setia Budi. Penubuhan kumpulan ini bertujuan untuk memartabatkan kesenian wayang kulit purwo yang telah lama digiatkan oleh En. Meskon Bin Karim. Kumpulan kesenian ini masih lagi wujud dan masih lagi bergiat aktif.

Mengikut kepada suatu teori yang dikemukakan oleh Jacques Brunet, beliau mengeluarkan suatu kenyataan iaitu wayang kulit berasal daripada India dan telah dibawa ke Asia Tenggara melalui pengaruh Hindu di rantau ini. Para penyokong ini menyokong teori yang dikemukakan oleh Jacques Brunet ini berdasarkan daripada cerita-cerita yang disajikan oleh kebanyakan persembahan wayang kulit ini iaitu dua epik Hindu yang terkenal iaitu Epik Ramayana dan Epik Mahabharata. Selain itu, Jacques Brunet mengatakan India sebagai tempat asal wayang kulit kerana persamaan antara patung wayang kulit di Kemboja dan Nang Sbek di Thailand dengan patung-patung yang terdapat di Kerala, Orissa dan Andra Pradesh. Beliau juga menyatakan bahawa patung-patung wayang kulit Malaysia dan Indonesia yang berbentuk kecil dipengaruhi oleh patung wayang golek India [2].

Pendapat lain pula telah dinyatakan oleh tokoh yang bernama Berthold Laufer. Beliau menyatakan bahawa wayang kulit berasal daripada China. Beliau telah merujuk kepada sebuah legenda Cina yang menceritakan pada zaman Maharaja Han Wu Ti pada tahun 121 Sebelum Masihi. Seorang bomoh diraja telah menyangkan sebuah bayangan di atas sebuah klir sebagai usaha untuk memanggil semangat isteri Maharaja [2].

Teori ketiga pula dikemukakan oleh tokoh yang bernama Haezu di mana beliau menyebutkan bahawa tempat asal wayang kulit itu sendiri ialah di

Tanah Jawa dan sebagai bukti, beliau merujuk kepada istilah Jawa Kuno yang telah digunakan dalam wayang purwa. Wayang pula telah wujud sebelum munculnya pengaruh Hindu di Asia Tenggara [2].

Menerusi kajian ini, pengkaji berminat untuk menghuraikan unsur Islam di dalam persembahan Wayang Kulit Purwo Kumpulan Kesenian Setia Budi. Antara dimaksudkan adalah seperti patung wayang kulit, alat-alat muzik gamelan, kelir dan sebagainya. Kemudian, pengkaji akan mendiskripsikan unsur-unsur Islam yang ada pada persembahan wayang kulit purwo Kumpulan Kesenian Setia Budi tersebut. Hasil kajian ini, akhirnya pengkaji akan dapat melihat dan mengetahui apakah unsur-unsur Islam yang terkandung dalam persembahan bagi persembahan wayang kulit.

Kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji ialah kaedah temu bual. Kaedah temu bual tersebut akan dijalankan melalui seorang informan iaitu Ketua Kumpulan Kesenian Setia Budi sendiri iaitu En. Meskon Bin Karim. Temu bual ini dijalankan bagi mendapatkan lebih lagi kepastian berkenaan unsur Islam dalam persembahan Wayang Kulit Purwo Kumpulan Setia Budi ini.

Berdasarkan tajuk kajian ini, pengkaji ingin mengkaji unsur-unsur Islam dalam persembahan Wayang Kulit Purwo Kumpulan Kesenian Setia Budi di mana daripada persembahan ini, pengkaji akan membongkar unsur-unsur Islam yang terdapat dalam persembahan wayang kulit. Penyelidikan ini amat penting kerana ia membantu penyelidik menghuraikan unsur-unsur Islam yang terdapat dalam persembahan wayang kulit.

SOROTAN LITERATUR

Persembahan wayang kulit purwo boleh dimainkan di dalam sebuah balai ataupun di luar persekitaran yang mana ianya terdapat sebuah pentas khas yang berukuran lebih kurang 15 kaki manakala tinggi pentas ialah empat kaki daripada tanah. Bumbung pentas pula berukuran 10 kaki daripada paras pentas. Bahagian hadapan pentas diregangkan dan ditutupi dengan tirai kain putih yang sama dengan kelir wayang kulit yang lain. Pentas tersebut mempunyai tiga bahagian dinding dan terdapat sebuah pintu pada dinding tersebut sama ada di dinding tepi atau dinding belakang [2].

Dua batang pisang disusun secara dua tingkat dan kemudian diletakkan kelir dan akan ditongkat dengan kayu yang dinamakan tapak dara. Batang pisang yang diletakkan di bahagian atas dinamakan

Namun, sehingga kini tidak ada bukti atau kata putus tentang asal usul wayang kulit ini. Kemungkinan juga wayang kulit ini telah muncul secara berasingan di India, China dan Jawa. Oleh itu, daripada tiga tempat asal tadi maka pengaruhnya merebak ke tempat-tempat yang lainnya melalui interaksi ekonomi, politik dan kebudayaan [1]

sebagai perseban manakala yang dibahagian bawah pula dinamakan sebagai persembahan. Batang pisang ini berguna sebagai tempat pencucuk patung-patung wayang kulit semasa persembahan dijalankan. Kayu pemidang yang berada disebelah kiri dan kanan kelir dinamakan sebagai sunduk manakala pemidang yang berada di atas dikenali sebagai gawongan dan tali pemegang kelir dinamakan sebagai pluntur. Di bawah bahagian kelir ditekankan paku-paku besi yang dicucuk di atas batang pisang yang dipanggil sebagai pelacak [2].

Patung-patung akan dicacukkan secara rapat-rapat di atas batang pisang yang berada di sebelah kiri dan kanan kelir yang mana mereka ini dinamakan sebagai sumpingan. Kawasan tengah yang lapang pula dikenali sebagai panggungan iaitu tempat patung-patung beraksi [2].

Sebuah lampu elektrik atau secara traditsional lampu minyak tanah digantung di tengah-tengah kelir di sebelah kiri dalang lebih kurang dua atau tiga kaki daripada permukaan kelir. Bahagian belakang lampu ini disekat dengan pemidang bagi tujuan untuk membiaskan cahaya ke atas kelir dan juga berguna bagi mengelakkan silaunya mata dalang. Kotak patung yang berukuran dua kaki lebar, empat kaki panjang dan satu kaki tinggi juga akan diletakkan di sebelah kiri dalang bertujuan untuk memudahkan dalang bagi menukarkan watak-watak mengikut keperluan cerita [2].

Wayang kulit purwo ini akan diiringi oleh kumpulan gamelan yang bertujuan untuk fungsi struktural dan dramatik. Secara ringkasnya, muzik akan dimainkan selepas upacara buka panggung diselang seli dengan adegan dan juga untuk menyokong emosi sesuatu adegan atau ketika berada dalam adegan. Dalam persembahan wayang kulit purwo, terdapat dua jenis kumpulan muzik gamelan iaitu salendro yang menggunakan lima nada dan pelog yang menggunakan tujuh nada. Di negara Malaysia, gamelan salendro sering digunakan dalam mengiringi persembahan wayang kulit Jawa ini. Jumlah alat muziknya yang besar dan mempunyai nada-nada yang mampu mengiringi nyanyian lagu-lagu keroncong dan Melayu [2].

Persembahan wayang kulit sering diadakan semasa majlis-majlis tertentu. Persembahan wayang kulit juga dilakukan untuk memastikan kebajikan dan keselamatan seperti persembahan ritual untuk ibu-

ibu yang hamil yang sudah mencecah tujuh bulan kandunganya. Persembahan ini juga dilakukan semasa bayi yang sudah dilahirkan mencecah umur lima hari. Selain itu, persembahan wayang kulit purwo ini juga dimainkan semasa majlis hari jadi dan majlis perkahwinan [3].

Pengaruh animisme juga masih boleh dilihat atas dasar tujuan wayang kulit purwo ini dimainkan di mana persembahan ini dimainkan semasa upacara keharmonian dan kepercayaan dan ia dimainkan untuk tujuan Ruwatan. Ruwatan adalah suatu upacara ritual untuk melepaskan seseorang daripada sakit dan nasib yang kurang baik. Seterusnya, persembahan wayang kulit purwo ini juga dimainkan semasa upacara nadaran. Upacara nadaran pula ialah suatu upacara untuk memenuhi sumpah yang telah dibuat atau suatu upacara yang dibuat setelah niat seseorang telah terkabul. Akhir sekali, upacara ritual yang bertujuan dan mesti dilakukan persembahan wayang kulit ialah upacara bersih desa atau lebih dikenali sebagai upacara pembersihan kampung [3]

Selain itu, masyarakat Indonesia juga mempercayai bahawa pada elemen-elemen persembahan wayang kulit purwo terdapat kepercayaan atau simbolik-simbolik dalam barang-barang yang ada pada elemen-elemen persembahan wayang kulit purwo ini. Mereka percaya bahawa batang pokok pisang tempat meletakkan patung wayang kulit ini menyimbolkan semangat kelelakian yang bermakna semangat kelelakian bagi tok dalang dan bagi simbol kebenaran dan maksud. Kelir itu menyimbolkan sebagai dunia yang di atas yang mana ia tidak terlihat manakala cahaya lampu pelita itu disimbolkan sebagai yang maha kuasa [3].

Persembahan Wayang Kulit Purwo Bali juga dipersembahkan bertujuan untuk persembahan komuniti dan sebagai upacara ritual. Persembahan ini juga biasanya akan berakhir setelah dimainkan selama lima jam selepas matahari terbenam [3].

Sebelum persembahan dimulakan, tok dalang akan mula duduk di tepi gelanggang persembahan dan memulakan upacara membaca mantera. Beliau akan menyebut sepatah ayat yang berbunyi 'Tuhan kecintaan telah datang! Ohmmmm!' Kemudian, sebelum persembahan bermula, tok dalang akan makan malam bersama orang yang meminta persembahan wayang kulit dimainkan. Semasa

sedang menyantap, tok dalang mesti menghadap ke arah timur atau utara. Jika tok dalang menghadap ke arah selatan, pasti persembahan pada malam itu akan diganggu oleh semangat jahat manakala jika tok dalang makan sambil menghadap ke barat maka semasa persembahan tok dalang boleh terlupa dan keliru dengan jalan cerita persembahan pada malam itu.

Semasa tok dalang sudah berada dibelakang kelir, tok dalang akan mula membuka panggung dengan kayon. Tok dalang juga akan mula berdoa kepada tuhan 9 penjuru supaya tuhan mengabulkan permintaan tok dalang iaitu supaya semua orang tidak kira pemuzik atau penonton dilindungi daripada semangat jahat semasa persembahan dan tok dalang juga akan berdoa agar persembahan pada malam itu berjaya [3].

Pada bahagian permulaan, struktur dramatik persembahan wayang kulit purwo ini akan terjadi pameran atau eksposisi yang mana ianya adalah pengenalan kepada para penonton berkenaan tempat dan waktu berlakunya cerita tersebut, tentang pelakon-pelakon yang berada dalam cerita tersebut, tentang hubungan antara para pelakon-pelakon dan keadaan ketika itu [4].

Pada bahagian kedua struktur dramatik, akan muncul satu komplikasi yang mana akan masuk suatu unsur baru dalam jalan cerita persembahan tersebut yang kemudiannya akan menentukan jalan cerita yang selanjutnya. Akhirnya, komplikasi ini akan menyebabkan timbulnya konflik pada bahagian pertengahan yang akhirnya menjadikan kemuncak untuk babak tersebut. Pada bahagian terakhir pula, akan diselesaikan konflik ini dan kemudiannya segala pertanyaan akan terjawab [4].

Pada zaman ini persembahan wayang kulit purwo berfungsi sebagai suatu alat dakwah, alat pendidikan dan komunikasi, sumber budaya dan sastera serta sebagai suatu hiburan. Cerita-cerita yang diambil dalam persembahan wayang kulit ini seringkali cerita-cerita babad, yakni percampuran antara cerita-cerita Ramayana dan Mahabharata versi Indonesia dengan cerita-cerita Arab dan cerita-cerita Islam. Wayang berbentuk pipih menyerupai bentuk bayang-bayang seperti yang dilihat pada masa kini. Patung wayang kulit purwo pada masa kini disempurnakan bentuknya supaya tidak bertentangan dengan agama Islam [4].

DAPATAN

Upacara buka panggung bertujuan untuk memohon restu daripada Allah supaya persembahan dapat dijalankan dengan selamat. Jadi apabila ianya bertujuan untuk memohon restu daripada Allah iaitu satu-satunya tuhan yang disembah oleh umat Islam maka sudah tentu upacaranya adalah doa. Doa yang seringkali dibaca oleh dalang ialah ayat-ayat yang tertulis di dalam kitab suci Al Quran seperti Surah empat Qul, Surah Al-Fatihah, Ayat Qursi dan seterusnya berdoa dan berniat supaya persembahan pada hari itu berjalan lancar tanpa sebarang gangguan [5]. Seterusnya, dapat dilihat unsur Islam dalam pentas atau bangsal persembahan wayang kulit tersebut. Pada zaman dahulu, bangsal-bangsal dan pentas persembahan ini dibina secara tidak kekal kerana persembahan wayang kulit tidak akan dipersembahkan ditempat yang sama lagi. Jadi, apabila para ahli yang terlibat ingin melakukan pembinaan bangsal ini maka akan terdapat ritual dan kepercayaan yang perlu dijalankan sebelum menghasilkan bangsal. Sebelum memulakan pembinaan bangsal, ahli yang terlibat akan sama-sama berdoa kepada Allah diiringi dengan ayat-ayat suci Al-Quran agar proses pembinaan pentas atau bangsal berjalan dengan lancar [5].



Gambar 1 : Pentas/Bangsal untuk persembahan wayang kulit.

Boneka wayang kulit adalah pelakon utama dalam sesuatu persembahan wayang kulit yang mana ke semua patung-patung wayang kulit ini dimainkan oleh seorang dalang yang berpengalaman dan mempunyai ilmu perdalangan yang tinggi. Patung-patung wayang kulit ini seringkali diciptakan melalui kulit-kulit haiwan seperti kerbau, lembu dan kambing. Melalui kepercayaan segelintir masyarakat, dalang hanya akan menggunakan kulit-kulit kerbau, lembu dan kambing yang tertentu saja

di mana dalang hanya akan menggunakan kulit-kulit haiwan yang mati secara semula jadi bukan kerana mati berpenyakit atau mati disambar petir. Ini kerana masyarakat percaya bahawa memilih kulit haiwan yang mati dalam keadaan yang luar biasa akan menyumbang sesuatu yang amat bermakna sekali dalam persembahan wayang kulit sesebuah kumpulan itu [6].



Gambar 2 : Patung wayang kulit.

Patung wayang kulit ini dipercayai mampu untuk mengubati penyakit sawan bagi kanak-kanak. Mengikut kepada petua bagi orang-orang lama, kayu pemegang patung wayang kulit ini boleh direndamkan di dalam air biasa. Kemudian, dibacakan selawat ke dalam air itu yang akhirnya air berkenaan diberikan kepada kanak-kanak tersebut untuk minum air itu [5]. Di sini dapat dilihat bahawa unsur Islam yang terdapat di dalamnya adalah membaca selawat [5].

Gunungan pula berfungsi sebagai latar belakang bagi persembahan sesuatu wayang kulit. Gunungan ini selalunya diukir dalam bentuk corak-corak tumbuh-tumbuhan dan haiwan. Menurut dalang wayang kulit, gunungan ini akan digerakkan ke kiri dan ke kanan semasa persembahan wayang kulit dalam beberapa adegan. Menurut dalang juga, jika gunungan ini digerak-gerakan dengan keadaan sangat kuat maka ia membawa makna kiamat dalam persembahan wayang kulit. Unsur Islam dapat dilihat di dalam elemen ini ialah rukun iman yang kelima [5].



Gambar 3 : Gunungan yang digunakan dalam persembahan wayang kulit.

Kumpulan gamelan yang mengiringi wayang kulit purwo mengandung lebih kurang sembilan jenis alat muzik. Bermula dengan saron pekin, saron burung, saron demong, bonang, kenung, gambang kayu, mong, kempul dan gendang bujur.

Menurut dalang, setiap alat muzik tersebut ada terdapat falsafah Islamnya yang tersendiri. Sebagai contoh gambang kayu. Gambang kayu mengandungi 17 keping kayu yang mempunyai saiz dan tebal yang berbeza-beza. 17 keping kayu tersebut diletakkan di atas kotak kayu empat segi bujur. 17 ini mewakili waktu solat fardhu keseluruhan dalam satu hari iaitu waktu Subuh berjumlah dua rakaat, waktu Zohor berjumlah empat rakaat, waktu Asar berjumlah empat rakaat, , waktu Maghrib tiga rakaat dan akhir sekali adalah waktu Isyak yang berjumlah empat rakaat. Apabila dicampurkan ke semua waktu solat tersebut maka akan menjadi 17 rakaat dalam satu hari [5].

Contoh yang kedua ialah gong. Hanya digunakan satu saja di dalam persembahan wayang kulit bagi kumpulan gamelan persembahan wayang kulit purwo ini. Menurut dalang, satu gong itu melambangkan satu falsafah yang mana kepercayaan umat Islam pada satu tuhan iaitu Allah [5].

Bagi mewarisi ilmu perdalangan, satu upacara akan dilakukan untuk mewariskan ilmu perdalangan kepada sesiapa yang berhak. Dalam upacara tersebut ada terkandung doa-doa yang dipanjangkan kepada Allah dan ada terdapat bacaan doa-doa suci al- quran yang mana doa-doa terasnya yang biasa akan digunakan oleh dalang iaitu Al-fatihah, surah empat qul dan ayat qursi [5].



Gambar 4 : Alat muzik, gambang kayu.



Gambar 5 : Alat muzik, gong.

KESIMPULAN

Kesimpulan bagi kajian ini ialah kajian ini bertujuan untuk memberikan pengetahuan bahawa persembahan ini dipengaruhi oleh kepercayaan beragama pelakunya. Jika persembahan wayang kulit itu asalnya daripada Bali yang mana kebiasaannya dipersembahkan oleh dalang yang dipengaruhi oleh kepercayaan dalang yang beragama Islam itu sendiri

beragama Hindu maka akan banyak unsur-unsur Hindu itu boleh diperolehi dari dalam persembahan itu kerana ia dipengaruhi oleh kepercayaan Hindu dalang manakala jika persembahan itu dilakukan oleh dalang yang beragama Islam maka banyaklah pengaruh Islam yang boleh diperolehi dalam persembahan tersebut kerana persembahan tersebut

RUJUKAN

- [1] Abdullah, Umi (2003). Wayang Kulit. Kuala Lumpur: Jasos (M) Sdn. Bhd. & SBI Event & Advertising.
- [2] Nasuruddin, M. G. (2000). Teater Tradisional Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- [3] Hermien Kusmayati, A. M., Munardi, A. M., Murtiyoso, B., Luthan, D., Djatikusuma, Atmadibrata, E., ... Ganap, V. (1998). Performing Arts. Singapore: Archipelago Press.
- [4] Amir, H. (1991). Nilai-Nilai Etis Dalam Wayang. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- [5] Wawancara bersama En. Meskon bin Karim pada Jumaat, 16 Ogos 2019, bertempat di kediaman En. Meskon di Kampung Parit Bingan Darat, Batu Pahat, Johor pada pukul 3 petang.
- [6] Zahari, R. (2013). Wayang Kulit Shadow Play The folk Epic Of The Malay Archipelago. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.